



PELAN STRATEGIK PENCEGAHAN RASUAH 2017 - 2019

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

KANDUNGAN

PERUTUSAN DATUK BANDAR SHAH ALAM	1
KATA ALU-ALUAN PENGARAH SPRM NEGERI SELANGOR	2
Pengenalan Pelan Strategik Pencegahan Rasuah	3
Konsep Pelan Strategik Pencegahan Rasuah	4
Faktor Menjejaskan Integriti	5
Keperluan Pelan Strategik Pencegahan Rasuah	6
Reformasi Anti-Rasuah	7
Kaedah Pelaksanaan	8
Strategi Pelan Strategik Pencegahan Rasuah	9
Pemantauan Pelan Strategik Pencegahan Rasuah	13
Strategi 1 : Pendidikan	14
Strategi 2 : Pencegahan	16
Strategi 3 : Pengukuhan	18
Strategi 4 : Punitif/Penguatkuasaan	20
Rumusan	22

PERUTUSAN DATUK BANDAR SHAH ALAM



(DATO' HAJI AHMAD ZAHARIN BIN MOHD SAAD)
D.P.M.S., S.M.S., B.P.C.
Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Shah Alam

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Alhamdulillah, dengan izin limpah kurnia-Nya, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) sekali lagi telah berjaya menyediakan Pelan Strategik Pencegahan Rasuah (PSPR) 2017-2019 untuk menggantikan pelan yang terdahulu. PSPR ini dirangka bersama dan dirujuk kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengikut kesesuaian berdasarkan isu dan cabaran yang dihadapi oleh penjawat awam pada masa kini.

Cabaran penjawat awam masa kini, amat kompleks dalam memastikan etika kerja dan integriti diamalkan dalam sesebuah organisasi. Kepesatan pembangunan, ekonomi dan teknologi masa kini mewujudkan keinginan dan kemahuan yang tinggi pada individu terutamanya penjawat awam bagi mencapai kepuasan diri. Dengan penyediaan PSPR ini, MBSA dapat mendidik warga kerja agar tidak terlibat dalam aktiviti penyalahgunaan kuasa dan rasuah yang boleh menjejaskan imej MBSA sekaligus merosakkan kerjaya dan kehidupan individu tersebut.

Pencapaian dan kejayaan MBSA bergantung kepada tadbir urus yang cemerlang dalam usaha melahirkan warga kerja yang kompeten, dinamik, berintegriti dan bertanggungjawab untuk memastikan MBSA disegani di mata masyarakat. Justeru, pelaksanaan PSPR ini, saya berharap warga kerja MBSA dapat memahami dan melatih diri untuk mengamalkan etika kerja cemerlang agar perkhidmatan yang disediakan adalah yang terbaik, sekaligus merealisasikan Misi MBSA iaitu "Meningkatkan tadbir urus MBSA sebagai organisasi yang efisien, efektif, kompeten, dinamis dan terus cemerlang".

Sekian, Wassalam.

Khidmat terbaik.

KATA ALU-ALUAN PENGARAH SPRM NEGERI SELANGOR



(DATO' WAN RAMLI BIN WAN ABDULLAH) TPJ
DIMP.
Pengarah
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
Negeri Selangor

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sehati sejiwa memerangi rasuah.

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Illahi atas keizinan, limpah rahmat dan kurniaNya, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Selangor telah berjaya merangka dan menyediakan fasa kedua Pelan Strategik Pencegahan Rasuah (PSPR) MBSA bagi tahun 2017 hingga 2019. Pelan Strategik ini berpaksikan kepada hala tuju dan usaha MBSA meningkatkan nilai integriti, modal insan, dan sikap membenci sebarang bentuk jenayah rasuah di kalangan warganya serta dalam masa yang sama memperkasakan kualiti perkhidmatan MBSA kepada semua lapisan masyarakat di Bandaraya Shah Alam.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Y.Bhg. Dato' Ahmad Zaharin Bin Mohd Saad Datuk Bandar MBSA kerana menjadi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pertama di Negeri Selangor yang mewujudkan PSPR. Pewujudan PSPR ini secara tidak langsung telah menyokong enam terma rujukan di bawah Kenyataan Komitmen Bersama yang telah ditandatangani oleh MBSA dan SPRM pada 12 April 2016. Pelaksanaan PSPR seiring dengan prinsip "mencegah lebih baik dari mengubati" merupakan natijah yang perlu diterapkan dalam jiwa dan sanubari setiap warga MBSA. Melalui kaedah dan garis panduan yang telah dirangka, pelaksanaan PSPR memberi penumpuan kepada beberapa strategik antaranya Strategi Pendidikan, Strategi Pencegahan, dan Strategi Pengukuhan serta Strategi Punitif dan Penguatkuasaan. Adalah diharapkan Unit Integriti, MBSA dengan kerjasama Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM Malaysia dapat memantau pelaksanaan PSPR yang telah di rangka mengikut tempoh masa yang dipersetujui. Saya berdoa agar kerjasama strategik di antara MBSA dan SPRM Negeri Selangor akan terus terjalin kukuh. Semoga MBSA akan sentiasa meningkatkan mutu serta memberi perkhidmatan yang cemerlang, kompeten dan telus kepada semua lapisan masyarakat di Bandaraya Shah Alam.

Sekian, wassalam.

PENGENALAN PELAN STRATEGIK PENCEGAHAN RASUAH

Prinsip:

“mencegah lebih baik daripada mengobati”.

Pelan Strategik Pencegahan Rasuah (PSPR) adalah strategi pencegahan rasuah secara bersepadu dan berterusan sebagai usaha dalaman organisasi yang sistematik dan berkesan.

Ia bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan kesedaran berhubung kesalahan jenayah rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan serta melahirkan warga organisasi yang berintegriti tinggi yang berpegang teguh kepada undang-undang, peraturan dan etika organisasi.

Melaksana usaha dalaman pencegahan rasuah melalui Pelan Strategik Pencegahan Rasuah (PSPR).

Meletakkan tanggungjawab bersama untuk membanteras jenayah rasuah kepada organisasi itu sendiri.

KONSEP PELAN STRATEGIK PENCEGAHAN RASUAH

Cabaran MBSA dalam usaha pencegahan rasuah ialah untuk meningkatkan kesedaran kepada warga kerja dalam memerangi jenayah rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa serta meningkatkan integriti.

FAKTOR MENJEJASKAN INTEGRITI

INDIVIDU

Kelemahan individu

- Kurang pendidikan dan penghayatan nilai-nilai murni
- Etika kerja lemah
- Tamak
- Tidak nampak kelemahan

Tekanan hidup

BUDAYA

Budaya masyarakat yang kurang menitikberatkan integriti

- Enggan membuat laporan kerana bimbang tindakan balas
- Sikap tidak ambil peduli
- Enggan melaporkan kesalahan yang dilakukan pihak lain yang mengamalkan prinsip 'anggu' dan 'ampu'

KEPIMPINAN

- Kepimpinan kurang berteladan, lemah iltizam
- Arahkan pemimpin yang melanggar prosedur dan peraturan
- "Cakap tak serupa bikin"

K E M E R O S O T A N I N T E G R I T I

STRUKTUR DAN INSTITUSI

Struktur

- Struktur tidak kemas dan kurang fokus
 - Matlamat tidak jelas dan munasabah
 - Struktur lapuk, tidak sesuai dengan tuntutan dan cabaran baru

Institusi

- Pertindihan skop, tugas dan tanggungjawab antara institusi
 - Kurang Koordinasi
- Pertentangan matlamat antara institusi, menyebabkan penyebaran nilai-nilai yang bertentangan (krisis nilai)

SISTEM DAN PROSEDUR

- Kurang ketelusan
- Kelemahan sistem, prosedur dan garis panduan
 - Kurang penguatkuasaan
 - Penguatkuasaan berpilih
 - Kurang pemantauan dan penilaian
- Keupayaan sumber manusia dan material yang terhad
- Kerangka undang-undang lapuk dan percanggahan dalam undang-undang

KEPERLUAN PELAN STRATEGIK PENCEGAHAN RASUAH

- Siapa yang boleh melakukan untuk mempertahankan imej MBSA jika bukan warga MBSA sendiri.
- Siapa yang boleh menilai dengan lebih baik tentang MBSA jika bukan warga MBSA sendiri.
- Usaha dalaman pencegahan rasuah akan lebih berkesan jika ianya dilaksanakan oleh warga MBSA sendiri.
- Siapa yang boleh meningkatkan martabat MBSA jika bukan warga MBSA sendiri.
- Sebagai satu garis panduan penghayatan dan pengamalan nilai-nilai murni.
- SPRM adalah agensi membantu sebagai fasilitator dengan memberikan latihan dan khidmat nasihat ke arah usaha-usaha dalam pencegahan rasuah.

Prinsip:
"mencegah lebih baik daripada mengubati".

REFORMASI ANTI-RASUAH MELALUI PSPR INI DIPANDU OLEH RANGKA KERJA ATAS KE BAWAH DAN BAWAH KE ATAS

KAEDAH PELAKSANAAN

RANGKA KERJA DARI ATAS KE BAWAH

- Taklimat mengenai PSPR kepada Pengurusan Tertinggi MBSA mengenai perlu adanya usaha dalaman pencegahan rasuah yang sistematik dan berkesan.
- Pengurusan Tertinggi MBSA mempunyai komitmen yang tinggi dan mesej “Sifar Toleransi” terhadap rasuah untuk melahirkan warga MBSA yang berintegriti tinggi serta cekap dan berkesan dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan.

RANGKA KERJA DARI BAWAH KE ATAS

- Bengkel “Training of Trainers” (TOT) kepada warga MBSA sebagai pelaksana untuk menyedia, mencadang dan membentang rangka PSPR kepada Pengurusan Tertinggi MBSA untuk diterima pakai dan dilaksanakan.

MENGENALPASTI ISU BERBANGKIT

Mengenalpasti isu-isu yang berkaitan dengan perlakuan rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa yang berlaku serta akan menjejaskan integriti dan keupayaan organisasi.


MEMBUAT ANALISA DAN KAJIAN

Strategi PSPR berdasarkan data-data iaitu maklumat/tohmahan/laporan mengenai staf agensi/jabatan berkenaan. Membuat analisa terhadap usaha-usaha peningkatan integriti yang telah dijalankan dan kajian impak keberkesanannya.


MERANGKA PSPR

Rangka tindakan yang memperjelaskan matlamat dan strategi ke arah meningkatkan integriti dan strategi pencegahan rasuah dalam organisasi

STRATEGI PELAN STRATEGIK PENCEGAHAN RASUAH



STRATEGI PELAN STRATEGIK PENCEGAHAN RASUAH



STRATEGI PELAN STRATEGIK PENCEGAHAN RASUAH

3.

STRATEGI PENGUKUHAN

Penekanan kepada usaha-usaha bagi memastikan pematuhan ke atas peraturan dan sistem serta usaha pemulihan terhadap individu dan organisasi yang terdedah dan terlibat dengan aktiviti yang menjejaskan integriti dan keupayaan organisasi.

TERAS 5

Mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan pematuhan kepada peraturan dan sistem.

TERAS 6

Mengambil langkah-langkah untuk membaikpulih integriti dan kapabiliti.

STRATEGI PELAN STRATEGIK PENCEGAHAN RASUAH

4.

STRATEGI PUNITIF/PENGUATKUASAAN

Mewujudkan mekanisme yang dapat meningkatkan usaha-usaha mengesan dan mengambil tindakan terhadap mereka yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang menjejaskan integriti dan keupayaan organisasi.

TERAS 7

Mewujudkan mekanisme organisasi untuk mengesan rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa.

TERAS 8

Menggunakan mekanisme organisasi untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang terlibat.

Pemantauan pelaksanaan Pelan Strategik Pencegahan Rasuah ini akan dibuat oleh Bahagian Pendidikan Masyarakat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Pemantauan ini juga dibuat melalui sistem pengauditan saluran dalaman MBSA dan Bahagian Integriti MBSA.

TERAS 1 : MERANGKA DAN MELAKSANAKAN PROGRAM PENDIDIKAN PENCEGAHAN RASUAH

PROGRAM/ AKTIVITI	OBJEKTIF	KUMPULAN SASARAN	MESEJ	PIHAK PELAKSANA	AGENSI MEMBANTU	TEMPOH
1. Mengadakan kursus/ seminar/ bengkel/ taklimat berkaitan kesedaran tentang rasuah dan implikasinya	Memberi pengetahuan dan kefahaman kepada warga kerja tentang keburukan rasuah	Semua kakitangan dan Warga Shah Alam (kontraktor, komuniti, peniaga)	Rasuah menggadai maruah	Jabatan Khidmat Pengurusan, Bahagian Integriti	SPRM, IIM, ILDAS	2 kali setahun
2. Melaksanakan bulan Integriti yang merangkumi pelbagai aktiviti seperti pameran, kempen, explorace dan ceramah	Memberi kesedaran tentang kesan dan implikasi rasuah	Semua pegawai dan kakitangan serta komuniti Shah alam (kontraktor dan peniaga)	Hidup bahagia tanpa rasuah	Jabatan Khidmat Pengurusan, Bahagian Integriti, Bahagian Korporat Dan Perhubungan Awam	SPRM, IIM	November
3. Mengadakan perhimpunan bulanan MBSA, tayangan video pendek tentang rasuah	Memberi kesedaran tentang kesan dan implikasi rasuah	Semua pegawai dan kakitangan MBSA	Jauhi rasuah	Jabatan Khidmat Pengurusan, Bahagian Integriti, Bahagian Teknologi Maklumat	SPRM	10 kali setahun

STRATEGI PENDIDIKAN

TERAS 2: MENDAPATKAN SOKONGAN UNTUK BERSAMA MENCEGAH RASUAH

PROGRAM/ AKTIVITI	OBJEKTIF	KUMPULAN SASARAN	MESEJ	PIHAK PELAKSANA	AGENSI MEMBANTU	TEMPOH
1. Mengadakan program "Retreat" PSPR Majlis Bandaraya Shah Alam (dialog/ ceramah "brainstroming"/ lawatan/ rekreasi)	Memberi kesedaran dan keinsafan	Pengurusan Tertinggi dan Pegawai A	Mencegah lebih baik daripada mengubati	Jabatan Khidmat Pengurusan, Bahagian Integriti	SPRM	1 kali setahun
2. Memaparkan infomasi di papan iklan (billboard dan LED) mesej berkaitan rasuah	Memberi ilmu pengetahuan dan kesedaran	Semua warga Shah Alam	Bahaya rasuah	Jabatan Khidmat Pengurusan, Bahagian Integriti, Bahagian Teknologi Maklumat, Bahagian Korporat Dan Perhubungan Awam	SPRM	Setiap bulan
3. Menerbitkan :- a) E-Poster cegah rasuah b) Buletin-ruang khas berkaitan integriti, pendidikan prosedur kerja, nilai/ kesopanan semasa perkhidmatan c) Slogan Cegah Rasuah dalam memo dalaman	Memberi peringatan dan nasihat	Warga kerja MBSA / semua warga Shah Alam	Hidup bahagia tanpa rasuah	Semua Jabatan	SPRM, NGO	a) Bulanan b) Setiap 4 bulan c) Setahun sekali

STRATEGI PENCEGAHAN

TERAS 3 : MENGESAN DAN MENGENALPASTI RUANG DAN PELUANG RASUAH

PROGRAM/ AKTIVITI	OBJEKTIF	KUMPULAN SASARAN	MESEJ	PIHAK PELAKSANA	AGENSI MEMBANTU	TEMPOH
1. Menyemak semula prosedur dalam proses kerja dan business reengineering bagi semua tindakan bersifat penguatkuasaan yang melibatkan pengeluaran notis dan/atau kompaun (pelesenan, perancangan, bangunan, kesihatan)	Mengesan dari berlaku ketidakpatuhan dalam proses kerja	Warga kerja dalam jabatan yang mengeluarkan notis dan kompaun	Telus dalam melaksanakan kerja	Semua Jabatan	SIRIM, SPRM	1 kali setahun
2. Pemeriksaan mengejut oleh Bahagian Integriti / Bahagian Audit Dalam terhadap tingkah laku dan disiplin kakitangan	Untuk mengukuhkan langkah pencegahan sedia ada	Kakitangan yang terlibat di lapangan	Telus, jujur dan berintegriti	Bahagian Integriti, Bahagian Audit Dalam	Jabatan Khidmat Pengurusan	Sepanjang tahun
3. Memantapkan piawaian atau prosedur kerja (cth: ISO, SOP, arahan kerja, garis panduan, fail meja)	Memastikan warga kerja mematuhi piawaian yang ditetapkan	Warga kerja MBSA dan penyelaras kualiti	Sentiasa mengemaskini	Jabatan Khidmat Pengurusan, Bahagian Audit Dalam dan semua jabatan	SIRIM, SUK, KPKT, MAMPU, MPC	1 kali Setahun

STRATEGI PENCEGAHAN

TERAS 4 : MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENUTUP RUANG DAN PELUANG RASUAH

	PROGRAM/ AKTIVITI	OBJEKTIF	KUMPULAN SASARAN	MESEJ	PIHAK PELAKSANA	AGENSI MEMBANTU	TEMPOH
1.	Menambahbaik perkhidmatan atas talian sediada dengan mewujudkan modul permohonan atas talian	Memudahkan orang awam membuat permohonan terhadap perkhidmatan Majlis dan mengurangkan kerana birokrasi	Petugas kaunter dan orang awam	Mudah, cepat dan telus	ICT, Jabatan/ Bahagian yang terlibat	MAMPU, SIRIM QAS	Sepanjang tahun
2.	Mewujudkan One Stop Service Centre bagi semua perkhidmatan Majlis	Mencegah gejala rasuah dan penyelewengan supaya orang awam tidak perlu berurusan dengan banyak Jabatan	Semua jabatan	Berintegriti	Semua jabatan terlibat	KPKT	2018
3.	Anggaran nilai kerja jabatan dimaklumkan dalam iklan/ dokumen sebut harga dan tender	Menghapuskan kebocoran maklumat nilai tender dan mengurangkan manipulasi maklumat tender dan sebutharga	Jabatan dalaman MBSA	Ketelusan	Bahagian Tender Dan Ukur Bahan, jabatan- jabatan pengurus projek/kontrak	Kontrak & Ukur Bahan SUK, Bahagian Audit Dalam MBSA	Sepanjang tahun

STRATEGI PENGUKUHAN

TERAS 5 : MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENINGKATKAN PEMATUHAN KEPADA PERATURAN DAN SISTEM

	PROGRAM/ AKTIVITI	OBJEKTIF	KUMPULAN SASARAN	MESEJ	PIHAK PELAKSANA	AGENSI MEMBANTU	TEMPOH
1.	Turun Padang (TURPA) dengan mengadakan majlis dialog kakitangan dengan pengurusan tertinggi	Menyampaikan mesej secara terus tentang pematuhan kepada peraturan dan sistem kerja di MBSA	Semua warga kerja MBSA	Keprihatinan kepimpinan	Jabatan Khidmat Pengurusan	Semua jabatan/ bahagian/ pejabat cawangan MBSA	Setiap bulan
2.	Perisytiharan kepentingan peribadi dalam : a) Temuduga kekosongan jawatan dan Mesyuarat Pihak Berkuasa Melantik b) Jawatankuasa Tender dan Sebut Harga c) Temuduga penjaja pasar malam/bazar	Meningkatkan Ketelusan	Pengerusi / Panel/Ahli jawatankuasa yang terlibat	Beri pada yang hak	Jabatan Khidmat Pengurusan, Jabatan Pelesenan, Bahagian Tender Dan Ukur Bahan	SPRM, Unit Integriti SUK	Setiap Kali Mesyuarat Bersidang/ Temuduga

STRATEGI PENGUKUHAN

TERAS 6 : MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH UNTUK MEMBAIKPOLIH INTEGRITI DAN KAPABILITI

PROGRAM/ AKTIVITI	OBJEKTIF	KUMPULAN SASARAN	MESEJ	PIHAK PELAKSANA	AGENSI MEMBANTU	TEMPOH
1. Memperkasakan peranan AKRAB (Pembimbing Rakan Perkhidmatan Awam)	Menjalankan usaha pemulihan terhadap warga kerja bermasalah	Semua warga kerja bermasalah	Kembali ke pangkal jalan	Jabatan Khidmat Pengurusan	Unit Kaunseling SUK / JPA	Berterusan
2. Ikrar Bebas Rasuah	Kebertanggung-jawaban dalam penyeliaan terhadap kakitangan dan anggota bawahan	Pengarah/ Ketua Jabatan/ Bahagian/ Pengurus Pejabat Cawangan	Integriti amalan kita bersama	Semua Jabatan/ Bahagian/ Pejabat Cawangan	SPRM	1 kali Dalam Tempoh 3 Tahun

STRATEGI PUNITIF/PENGUATKUASAAN

TERAS 7 : MEWUJUDKAN MEKANISME ORGANISASI UNTUK MENGESAN RASUAH, PENYELEWENGAN DAN SALAHGUNA KUASA

PROGRAM/ AKTIVITI	OBJEKTIF	KUMPULAN SASARAN	MESEJ	PIHAK PELAKSANA	AGENSI MEMBANTU	TEMPOH
1. Menganalisa laporan pengistiharan harta dengan gaya hidup kakitangan - Hasil analisa dibentangkan kepada Lembaga Tatatertib dan direkodkan bagi tujuan pemantauan	Memastikan gaya hidup selaras dengan pendapatan sedia ada	Semua warga kerja	Ukur baju di badan sendiri	Jabatan Khidmat Pengurusan, Bahagian Integriti	Bahagian Audit Dalam	2 kali setahun
2. Pemeriksaan Mengejut ISO prosedur kewangan dan penguatkuasaan a) Dokumen b) Perlaksanaan c) Ops Bersepadu SPRM Laporan dibentangkan dalam Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Korporat	Pematuhan kepada semua SOP yang telah diluluskan dan tindakan penguatkuasaan	Semua jabatan yang melibatkan pengurusan kewangan dan penguatkuasaan	Kerja mengikut prosedur	Bahagian Audit Dalam	Jabatan Khidmat Pengurusan, Bahagian Integriti	2 kali setahun

TERAS 8 : MENGGUNAKAN MEKANISME ORGANISASI UNTUK
MENGAMBIL TINDAKAN TERHADAP MEREKA YANG TERLIBAT

	PROGRAM/ AKTIVITI	OBJEKTIF	KUMPULAN SASARAN	MESEJ	PIHAK PELAKSANA	AGENSI MEMBANTU	TEMPOH
1.	Mengambil tindakan pindah / tukar / tatatertib	Memberi iktibar kepada kakitangan lain dan untuk kecemerlangan organisasi	Mereka yang dikenalpasti terlibat	Disiplin asas kecemerlangan organisasi	Jabatan Khidmat Pengurusan, Bahagian Integriti	SPRM MBSA	Mengikut kes
2.	Lapor perlakuan rasuah kepada SPRM untuk tindakan selanjut	Mengambil tindakan kepada pelaku rasuah	Warga kerja MBSA	Sifar Toleransi 'Zero Tolerance'	Bahagian Audit Dalam, Bahagian Integriti	SPRM	Mengikut kes

Pelan Strategik Pencegahan Rasuah (PSPR) digubal berdasarkan bahawa usaha-usaha pencegahan rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa, ia perlu dibuat melalui usaha dalaman dengan tindakan bersepadu dan berterusan secara sistematik dan berkesan. Oleh yang demikian MBSA amat komited dalam memberi sokongan terhadap usaha-usaha pembanterasan rasuah dengan penglibatan pihak pengurusan dan semua warga kerja. Dengan adanya Pelan Strategik Pencegahan Rasuah ini diharap ia dapat membantu dan menambahbaik sistem pengurusan yang sedia ada dan seterusnya menjadikan MBSA sebuah agensi yang sifar rasuah.

NOTA



MBSA

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

Tingkat 1, Wisma MBSA, Persiaran Perbandaran,
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Tel : +603 5510 5133 Faks : +603 5510 8010

Emel : mbsa@mbsa.gov.my

www.mbsa.gov.my